

Mesej Empat

**Makanan Rohani Kita, Batuan Rohani Kita,
dan Isi Kandungan Meja Tuan**

Bacaan Bible: 1 Kor. 10:3-4, 16-17, 21; 11:23-26

- I. Kebenaran mendalam yang terkandung dalam Keluaran 16 ialah Tuhan mahu mengubah pemakanan kita supaya kita mengambil Kristus sebagai makanan rohani kita, iaitu manna sebenar yang diutus Tuhan Bapa agar umat pilihan Tuhan hidup melalui Kristus—1 Kor. 10:3; Yoh. 6:31-35, 48-51, 57-58:**
- A. Apa-apa sahaja yang kita makan daripada Kristus sebagai elemen yang mengkonstitusikan kita semula, dan sebagai bekalan untuk menjadikan kita tempat huni Tuhan dalam alam semesta, akan menjadi suatu peringatan abadi—Kel. 16:16, 32.
 - B. Sebagaimana manna di dalam bekas emas merupakan butir fokus tempat huni Tuhan, begitu juga Kristus sebagai manna yang kita makan merupakan butir fokus pembinaan Tuhan hari ini—Ibr. 9:3-4; Ef. 4:16; Kol. 2:19.
 - C. Makanan unik yang kita ambil untuk menjadi penopang, kekuatan, dan kepuasan kita haruslah Kristus, dan ministri unik dalam Wasiat Baru menyampaikan Kristus sebagai makanan unik bagi umat Tuhan—Bil. 11:5-6; bd. Kis. 1:17, 25; 2 Kor. 4:1; 1 Tim. 1:12; 2 Kor. 3:6.
 - D. Semasa kita terus-menerus menikmati Kristus sebagai makanan unik kita, manna harian kita, ciri-ciri-Nya akan menjadi ciri-ciri kita menerusi transformasi metabolik kita supaya Dia diperbesar—Yoh. 6:57; Flp. 1:20-21; bd. Gal. 6:17:
 - 1. Manna ialah suatu misteri—Kel. 16:15; Kol. 2:2; Yes. 9:6; Ef. 3:4; Yoh. 3:8.
 - 2. Manna ialah mukjizat jangka panjang—Kel. 16:4; bd. Mat. 6:34.
 - 3. Manna turun dari langit—Kel. 16:4; Yoh. 6:41.
 - 4. Manna datang bersama dengan embun—Kel. 16:13-14; Bil. 11:9; Mzm. 133:3; Rat. 3:22-23; Ibr. 4:16; Mzm. 110:3.
 - 5. Manna datang pada waktu pagi—Kel. 16:21; bd. Kid. 1:6b; 7:12; Yoh. 5:39-40; Roma 6:4; 7:6.
 - 6. Manna adalah kecil—Kel. 16:14; Luk. 2:12; Yoh. 6:35; bd. Hak. 9:9, 11, 13; Mat. 13:31-32.
 - 7. Manna adalah halus—Kel. 16:14; Yoh. 6:12.
 - 8. Manna berbentuk bulat—Kel. 16:14; Yoh. 8:58.
 - 9. Manna berwarna putih—Kel. 16:31; Mzm. 12:6; 119:140; 2 Kor. 11:3b.
 - 10. Manna adalah seperti embun beku—Kel. 16:14; Ams. 17:27.
 - 11. Manna adalah seperti biji ketumbar—Kel. 16:31; Bil. 11:7; Luk. 8:11.
 - 12. Manna adalah padu—Bil. 11:8; 2 Kor. 1:4; Ef. 6:18.
 - 13. Penampilan manna adalah seperti damar bedolah—Bil. 11:7; Wahi 4:6, 8; Yeh. 1:18.
 - 14. Rasa manna adalah seperti minyak segar—Bil. 11:8; Mzm. 92:10.
 - 15. Rasa manna adalah seperti roti tipis bercampur madu—Kel. 16:31; Mzm. 119:103.
 - 16. Manna baik untuk dijadikan roti bundar—Bil. 11:8; 1 Tim. 4:6.
- II. Kristus telah disalibkan untuk menjadi batuan rohani yang mengikut umat-Nya; batuan yang mengikut ini ialah Kristus yang bangkit yang merupakan Roh beri-hayat, yang sentiasa bersama dengan gereja untuk membekali percayawan-Nya dengan air hayat—1 Kor. 10:4; Kel. 17:6; Bil. 20:8; Yoh. 19:34:**

MAKANAN ROHANI KITA

Mesej Empat (sambungan)

- A. Masalah dalam kalangan umat Tuhan mungkin berlaku disebabkan kekurangan air; air ini mentamsilkan Roh hayat; setiap kali umat Tuhan kekurangan Roh hayat, mereka akan ada masalah; apabila umat Tuhan mempunyai Roh itu secara berlimpah-limpah, masalah dalam kalangan mereka dan masalah dengan Tuhan akan terselesai—Bil. 20:2-13; Yoh. 7:37-39; Roma 8:2.
- B. Disebabkan Kristus telah disalibkan dan Roh itu telah diberi, maka Kristus tidak perlu disalibkan sekali lagi, iaitu batuan itu tidak perlu dipukul sekali lagi agar air hidup dapat mengalir; dalam ekonomi Tuhan, Kristus hanya perlu disalibkan sekali—Ibr. 7:27; 9:26-28a.
- C. Untuk menerima air hidup daripada Kristus yang tersalib, kita hanya perlu “ambillah tongkat” dan “berkatalah kepada batuan”—Bil. 20:8:
 - 1. Mengambil tongkat bererti bersepadu dengan Kristus dalam kematian-Nya dan menerapkan kematian Kristus pada diri kita dan situasi kita.
 - 2. Berkata kepada batuan bererti berbicara secara langsung kepada Kristus yang merupakan batuan yang dipukul, meminta Dia agar memberi kita Roh hayat berdasarkan hakikat bahawa Roh itu telah diberi—bd. Yoh. 4:10; Luk. 11:13.
 - 3. Jika kita menerapkan kematian Kristus pada diri kita dan meminta Kristus dalam iktikad agar memberi kita Roh itu, kita akan menerima Roh yang hidup sebagai perbekalan hayat yang limpah lengkap.
- D. Musa tidak berkata kepada batuan, sebaliknya dia marah akan umat, mengutuk mereka sebagai orang yang memberontak, dan memukul batuan dua kali dengan tongkatnya—Bil. 20:9-11:
 - 1. Musa mengutuk umat sebagai orang yang memberontak, tetapi sebenarnya Musa barulah orang yang memberontak terhadap sabda Tuhan—ay. 24; 27:14.
 - 2. Musa tidak percaya kepada Yehova supaya Dia dikuduskan di depan mata bani Israel—20:12:
 - a. Menguduskan Tuhan bererti menjadikan Dia kudus, iaitu mengasingkan Dia daripada semua tuhan yang palsu; tidak menguduskan Tuhan bererti menjadikan Dia umum.
 - b. Musa marah sedangkan Tuhan tidak marah, dengan ini Musa tidak mewakili Tuhan dengan sewajarnya dalam sifat kudus-Nya; dengan memukul batuan dua kali, dia tidak mematuhi sabda Tuhan dalam ekonomi-Nya; dengan demikian, Musa bersalah terhadap sifat kudus Tuhan dan ekonomi divin-Nya.
 - c. Atas sebab ini, sungguhpun dia amat rapat dengan Tuhan dan boleh dianggap sebagai teman Tuhan (Kel. 33:11), namun Musa telah kehilangan hak untuk memasuki tanah permai.
 - 3. Dalam segala yang kita katakan dan lakukan berkenaan umat Tuhan, sikap kita haruslah menurut sifat kudus Tuhan, dan tindakan kita haruslah menurut ekonomi divin-Nya; inilah maksudnya menguduskan-Nya; jika tidak, kita akan memberontak terhadap-Nya dan bersalah terhadap-Nya dalam kata-kata dan perbuatan kita.

III. Kristus sebagai isi kandungan meja Tuan ialah realiti ekonomi Wasiat Baru Tuhan—1 Kor. 10:16-17, 21; 11:23-26:

- A. Penekanan pada meja Tuan ialah persekutuan darah dan tubuh-Nya, iaitu berbahagian dalam Tuan, saling menikmati Tuan dalam persekutuan—10:16-17, 21:
 - 1. Tuan telah memberi diri-Nya kepada kita supaya kita dapat berbahagian dalam-Nya sebagai jamuan kita dan menikmati Dia dengan makan dan minum-Nya;

Mesej Empat (sambungan)

untuk menjadi jamuan kita, yakni realiti hasil keluaran tanah permai, Kristus harus diproses—bd. Ul. 8:7-10:

- a. Jika Kristus tidak berinkarnasi, Dia tidak dapat mempunyai darah dan tubuh; menerusi inkarnasi, Kristus mengenakan tubuh manusia yang mempunyai darah dan daging—Ibr. 2:14.
 - b. Jika Kristus tidak disalibkan, darah-Nya tidak dapat diasingkan daripada tubuh-Nya; menerusi penyaliban, darah-Nya diasingkan daripada tubuh-Nya—Yoh. 6:53-55.
 - c. Jika Kristus tidak bangkit, Dia tidak dapat berada di atas meja sebagai makanan kita; dalam kebangkitan, Dia dihidangkan kepada kita di atas meja sebagai jamuan untuk pengkhasiatan dan kenikmatan kita; Dia yang mempersembahkan tubuh-Nya dan darah-Nya kepada kita ialah Kristus yang bangkit sebagai Roh beri-hayat yang almuhit—1 Kor. 15:45b; 2 Kor. 3:17.
2. Tuan Yesus “mengambil roti dan memberkatinya, kemudian Dia memecah roti itu dan memberikannya kepada disipal-disipal dan berkata, Ambil dan makanlah; inilah tubuh-Ku”—Mat. 26:26:
- a. Roti menunjukkan hayat, yakni hayat Tuhan, hayat abadi; roti melambangkan tubuh jasmani Tuan yang diserahkan-Nya untuk kita di atas salib untuk menyalurkan hayat ke dalam kita—Yoh. 6:35, 57, 63; Luk. 22:19.
 - b. Roti juga melambangkan Tubuh Tuan yang mistikal, iaitu sarana untuk Kristus melaksanakan ministri-Nya di syurga demi penyempurnaan pentadbiran divin—Ef. 1:22-23; 4:16; Wahi 5:6.
 - c. Dengan berbahagian dalam hayat divin Tuan, makan dan menikmati Dia sebagai roti hayat, kita menjadi Tubuh-Nya yang mistikal, pembesaran-Nya—1 Kor. 10:17; 12:27.
3. Tuan Yesus mengambil cawan dan mengucapkan syukur, lalu memberikannya kepada mereka, berkata, “Minumlah daripadanya, kamu semua, kerana inilah darah-Ku, darah waadah, yang ditumpahkan untuk banyak orang demi pengampunan dosa-dosa”—Mat. 26:27-28:
- a. Cawan atau piala menandakan berkat, iaitu Tuhan sendiri menjadi bahagian kita—Mzm. 16:5.
 - b. Penyelamatan Tuan telah menjadi bahagian kita, piala penyelamatan yang melimpah-ruah; isi kandungan piala ini ialah Tuhan sebagai berkat kita yang serba merangkumi—116:13; 23:5.
 - c. Darah Kristus sebagai darah waadah baru membawa kita ke dalam waadah baru; dalam waadah baru ini, Tuhan memberi kita hati baru, roh baru, Roh-Nya, hukum hayat dalaman, dan kebolehan hayat untuk mengenali Tuhan, memiliki Tuhan, dimiliki Tuhan, dan menerima berkat yang mengampunkan serta melupakan semua kesalahan kita—Yeh. 36:26-27; Luk. 22:20; Ibr. 8:10-12; Mzm. 103:1-3, 12.
 - d. Darah waadah membawa kita ke dalam hadirat Tuhan di dalam Tempat Maha Kudus (tempat kita menatap keindahan-Nya), ke dalam infusi dan transfusi Tuhan, dan ke dalam kenikmatan abadi terhadap Tuhan; menikmati Tuhan dengan cara ini menghasilkan manusia kepunyaan Tuhan—27:4; Kel. 24:8; bd. Im. 16:11-16.
 - e. Pada akhirnya, darah waadah, yakni waadah abadi, membawa umat Tuhan ke dalam kenikmatan penuh terhadap Tuhan sebagai pohon hayat dan

MAKANAN ROHANI KITA

Mesej Empat (sambungan)

air hayat pada masa kini hingga keabadian—Ibr. 13:20; Wahi 7:14, 17; 22:1-2, 14, 17.

- B. “Setiap kali kamu makan roti ini dan minum cawan, kamu mengisytiharkan kematian Tuan hingga Dia datang”—1 Kor. 11:26; bd. Roma 5:10:
1. *Mengisytiharkan kematian Tuan* bererti mengumumkan dan mempamerkan kematian Tuan; mengisytiharkan kematian-Nya yang membebaskan hayat bererti mengisytiharkan kedatangan pertama-Nya untuk penebusan judicial-Nya bagi menghasilkan gereja—Yoh. 12:24; 19:34.
 2. *Hingga* mengimplikasikan bahawa gereja menjadi jambatan di antara kedatangan pertama Tuan dan kedatangan kedua-Nya dengan makan dan minum Kristus dalam proses penyelamatan organik-Nya.
 3. *Dia datang* ialah kedatangan kedua-Nya untuk menubuhkan kingdom Tuhan di bumi, sebagaimana yang dikatakan Tuan dalam Matius 26:29: “Aku pasti tidak akan minum daripada hasil pohon anggur ini mulai sekarang hingga hari itu apabila Aku meminumnya yang baru bersama dengan kamu dalam kingdom Bapa-Ku.”
 4. Oleh itu, mengisytiharkan kematian Tuan hingga Dia datang bererti mengisytiharkan bahawa kewujudan gereja adalah untuk membawa masuk kingdom; semasa kita makan perjamuan malam Tuan, hasilnya haruslah kita memperingati Tuan dalam dua kali kedatangan-Nya.